



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datuk Musa sebelum ke Tokyo

■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tersenyum riang bersama isterinya, Datin Maria sebelum berlepas ke Tokyo dan seterusnya ke Amerika Syarikat kerana bercuti lebih dua minggu.

Sebelum berangkat, Datuk Musa yang turut diringi oleh anak-anaknya sempat berbual dengan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong dan pegawai-pegawai kanan polis yang turut menghantar beliau di lapangan terbang antarabangsa, Kuala Lumpur di Subang, semalam.

Datuk Musa dijadualkan berada di Tokyo dua atau tiga hari dan akan menemuì Perdana Menteri Jepun, Encik Zenko Suzuki.

Selepas itu Datuk Musa dan keluarganya akan menghabiskan cuti di Amerika Syarikat.